



03 Jun 2015

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Business & Finance • Article type : News Item
Audience : 228,802 • Page: 16 • Printed Size: 153.00cm² • Market: KL
Country: Malaysia • ASR: MYR 3,052 • Words: 300 • Item ID: 415742011

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



iSENTIA
INFLUENCE • INFORM • INSIGHT

Page 1 of 1

MSM Malaysia sasar kuasai pasaran pertengahan gula tempatan, Singapura

KUALA LUMPUR 2 Jun - MSM Malaysia Holdings Bhd menasarkan untuk menguasai pasaran pertengahan gula Singapura serta majoriti di Malaysia menerusi pembukaan kilang penapisnya di Tanjung Langsat, Johor.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata pembinaan kilang berkenaan akan dimulakan pada Ogos tahun ini dan dijangka siap dalam masa 20 hingga 22 bulan.

"Kilang penapis itu akan beroperasi sepenuhnya pada pertengahan 2017. Matlamat kami adalah untuk menguasai keseluruhan Singapura dan majoriti pasaran Malaysia pada tahun itu, jika tidak sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan selepas menghadiri



AWAB SHEIKH ABOD

mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini, hari ini.

MSM mengendalikan segmen perniagaan gula milik Felda Global Ventures Holdings Bhd.

Pada masa ini, ia menguasai 18 peratus dan 20 peratus bahagian pasaran di Singapura serta 64 peratus di Malaysia.

Menerusi pelaburan sebanyak AS\$250 juta (RM900 juta), kilang penapis di Johor itu akan memiliki kapasiti gabungan pengeluaran sebanyak 3.25 juta tan gula bertapis setahun berbanding 1.1 juta tan, sekarang.

Sementara itu, pengeluar gula itu juga berhasrat mempelbagaikan operasinya ke dalam pasaran hu-

luan menjelang suku pertama 2016.

Menurutnya, MSM kini di peringkat rundingan lanjut bagi membeli dua firma Indonesia yang beroperasi dalam pasaran hulu.

"Kami tidak mahu kekal di takuk sekarang kerana tahun ini serta 2016 adalah tahun pertumbuhan. Kami merancang untuk mempelbagaikan lagi hasil pendapatan kami," katanya.

Sheikh Awab berkata, kedua-dua segmen hulu dan hiliran akan masing-masing menyumbang 30 peratus kepada keuntungan syarikat dan bakinya daripada perniagaan pertengahan bagi jangka panjang.

MSM juga akan membuka syarikat perdagangannya di Dubai yang mula beroperasi menjelang suku kedua pada tahun ini.

Pejabat berkenaan pula secara berperingkat, akan disokong empat pejabat perwakilan yang terletak di Indonesia, Thailand, China serta India. - BERNAMA